

KHAMIS
13 12
2018

33

BERITA

Ibu bapa sebak terima ijazah anak

BH

VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

50


PENDAPAT

Akademia, kelestarian misi ketiga universiti

52

INOVASI

UKM bangun produk diesel hijau



SENI DI IPT

➔ Aktiviti kokurikulum babitkan kesenian, kebudayaan bentuk nilai positif diri mahasiswa

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Setiap mahasiswa digalakkan menceburikan diri ke dalam aktiviti kokurikulum sebagai elemen penting untuk memiliki kemahiran tambahan dan memudahkan mereka menceburikan diri ke dalam kerjaya masa depan.

Antara aktiviti kokurikulum ditawarkan universiti adalah membabitkan kesenian dan kebudayaan yang mampu membentuk nilai positif dalam diri mahasiswa.

Yang menariknya, ada mahasiswa yang bukan daripada kursus pengajian kebudayaan dan kesenian, tetapi aktif 'memperagakan' bakat diri dalam aktiviti itu.

Menyedari manfaat luas yang bakal diperoleh, mahasiswa Universiti Malay-

sia Terengganu (UMT), Muhammad Nuraffendi Mohamad Amanah, 22, memberanikan diri menceburikan diri ke dalam aktiviti kesenian secara serius sejak 2015 bagi menonjolkan bakat diri.

Biarpun mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Biologi Marin yang sifatnya tiada kaitan dengan elemen kebudayaan dan kesenian, beliau gigih bergelar penari di bawah Kumpulan Kesenian Persadatari UMT kerana bidang itu mampu meningkatkan keyakinan, meluaskan pengalaman dan menambah kemahiran diri.

Katanya, pembabitannya itu menjadi titik tolak beliau berani berdepan khalayak ramai ketika membuat persembahan, sehingga mampu menyertai dan meraih sebagai johan pertandingan pengucapan awam, Young Motivator Competition 2017 anjuran UMT, tahun lalu.

redaksi

Ketua Pengarang NSTP
Datuk Yushaimi Yahaya

Pengarang Eksekutif Kanan
Integrasi NSTP
Saidon Idris

Pengarang Eksekutif
Berita Harian (BH)
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Pendidikan
Fadzlena Jafar

Pengarang Berita Pendidikan:
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan:
Mohd Zin Mohd Ali

Webmaster Pendidikan:
Shuhazmir Selamat

Penyunting Eksekutif:
Muhammad Fakhri Alias
Rusnita Pechok

Wartawan:
Nor Azma Laila
Faizatul Farhana Farush Khan
Meor Ahmad Nasriah Rizal Ishak

Artis Eksekutif:
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti@bh.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300226787

Berita Harian
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN
Jabatan Pengedaran dan Jualan
Akbar NSTP 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
Emel: educationNSD@
mediaprime.com.my
Samb: 7755
Tel: 03-2724 8999



Pembabitan mahasiswa dalam aktiviti kesenian dan kebudayaan memberi nilai tambah pengalaman, mengembangkan potensi dan menonjolkan minat mereka.

Bakat mahasiswa ditagih

→ Sikap positif menjadi faktor tarikan pelbagai produksi

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

◀ Sintok

Saya sering menggunakan khidmat mahasiswa universiti kerana komitmen dan kemahiran ditunjukkan bagus, selain mereka mudah ditegur serta memahami apa yang diinginkan dalam persembahan,” kata pengasas kumpulan muzik, Afad & Friends, Zulfadli Mustazar.

Mesra disapa sebagai Afad, bekas vokalis kumpulan nasyid popular, Raihan itu berkata, lebih utama, beliau ingin membantu meluaskan peluang, ruang dan pendedahan kepada

generasi pemuzik muda supaya dapat mencipta pengalaman.

“Saya biasanya menggunakan khidmat pemain gitar, keyboard, bass dan dram bagi mengiringi persembahan kumpulan berbentuk tazkirah muzikal, lagu dakwah atau berkoncepcian isu kerohanian, kemanusiaan serta ketuhanan,” katanya yang sering menjemput mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) serta Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Afad berkata, sikap positif yang ditunjukkan mahasiswa menjadi faktor pemilihannya kerana mereka rajin berlatih mengikut lagu dan video contoh yang diberikan, biarpun menerima jemputan beberapa hari sebelum persembahan.

Persembahan bagus

Ditanya mengenai perbuatan segelintir pengajar yang membayar persembahan mahasiswa pada harga rendah atas faktor mereka



Noormaya Abd Rasiad



Zulfadli Mustazar

masih belajar dan bukan profesional, beliau menyifatkan keadaan itu sebagai tidak adil.

Katanya, walaupun masih bergelar mahasiswa, kebolehan mereka memberikan persembahan bagus dan pengorbanan masa diberikan perlu dihargai.

“Sepatutnya mahasiswa ini perlu kita bayar pada kadar berbaloi kerana mereka juga perlu menanggung kos untuk kegunaan belajar, tambahan pula mereka sebenarnya bekerja melalui persembahan yang diberikan.

“Pihak luar sepertutnya bekerjasama menonjolkan bakat mahasiswa ini, sama ada melalui pelawaan mengadakan acara luar atau menyediakan dana untuk menyemarakkan aktiviti kesenian kerana mereka bagus, cuma tidak berani ke depan,” katanya.

Komitmen tinggi

Sementara itu, Koordinator Tarian dan Latihan Era Dance Theatre Ltd (EDT) di Singapura, Noormaya Abd Rasiad, berkata syarikatnya

pernah tiga kali menjalin kolaborasi bersama UPSI bagi memberi peluang kepada mahasiswa universiti itu menonjolkan bakat dan mengembangkan potensi di negara luar.

Beliau berkata, melalui penyertaan mahasiswa di Festival Muara 2015, EDT Tumasik Revisiting Our Story (2017) dan Festival Muara pada Oktober lalu, mereka dapat mengukuhkan persahabatan, bertukar idea, berkongsi ilmu serta belajar mengenai budaya negara.

Katanya, festival membabitkan penggiat seni Malaysia, Singapura dan Indonesia itu turut bermatlamat memberi pengalaman kepada mahasiswa untuk menjalin kerjasama dengan penggiat seni profesional dari luar negara.

“Syarikat kami berminat menjemput mahasiswa universiti berkenaan kerana komitmen tinggi yang diberikan mereka memudahkan proses latihan selama dua minggu di Singapura sebelum pertunjukan bermula,” katanya.

Bina keyakinan diri

← Dari V29

"Tarian memberi peluang kepada saya menonjolkan bakat terpendam, menambah skil, bekerja dalam pasukan, membantu memartabatkan warisan masyarakat tempatan dan mengubah persepsi segenap masyarakat bahawa penari lelaki turut memainkan peranan besar bagi kesinambungan kebudayaan.

"Melalui tarian juga, saya memperoleh sedikit duit poket setiap kali membuat persembahan yang boleh digunakan untuk membantu perbelanjaan di kampus," katanya yang berkebolehan menarikan zapin, balet, moden dan hip hop.

Bagi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Kom-

puter (Multimedia), Nurul Amira Mohamed Rafic, 20, yang aktif membabitkan diri sebagai pelakon teater sejak zaman persekolahan, bidang itu membantunya menguasai teknik berlakon secara terperinci melalui kelas khas, sekali gus menambah pengalaman dan kemahiran dimiliki sebagai seorang individu.

Mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, penyertaan pada acara dan persembahan teater luar kampus memberi peluang kepada beliau berinteraksi dengan peserta lain yang membantunya menguasai ilmu baharu, selain menguasai serta meningkatkan teknik komunikasi-betul bersama seseorang.

Beliau berkata, biarpun

mengikuti pengajian dalam bidang berbeza, dia menganggap pembabitannya itu sebagai kelebihan kerana boleh menguasai lebih banyak ilmu pada satu masa.

Beri keuntungan

"Pembabitan saya dalam aktiviti kokurikulum ini untuk mengembangkan potensi, menonjolkan minat dan lebih penting memiliki sijil diiktiraf universiti serta memperoleh pengalaman bernilai.

"Ditambah komitmen universiti menuuhkan Kelab Penggiat Teater Seagat untuk memberi peluang kepada mahasiswa mencuburi dan mengasah bakat dalam bidang teater, saya melihat pembabitan diri ini memberi keuntungan," kata penerima Anugerah

BERITA
HARIAN
13/12/2018
P - V31



Nurul Amira



Muhammad Nuraffendi



Mohd Aliff Itmal

Pelakon Wanita Terbaik dan Anugerah Lakon Layar Terbaik pada Festival Filem Pendek Inter Kolej (FESFIK), Kolej Tun Dr Ismail, UPM.

Bina keyakinan

Sementara itu, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Mohd Aliff Itmal Mohd Anuar, 24, berkata pembabitannya dalam pasukan dikir barat memberinya peluang menguasai kemahiran pengendalian dan memartabatkan seni warisan masyarakat Melayu.

Memulakan perjalanan dalam dikir barat sejak berusia 13 tahun dengan mempelajari alatan muzik digunakan ketika persembahan seperti canang, gong, romba dan rebana daripada senior, mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terbabit mula jatuh cinta terhadap aktiviti itu sehingga kini diberi peranan sebagai Tukang Karut yang menjadi orang paling penting dalam pasukan.

Katanya, tanggungjawab itu memberi peluang kepada beliau menguasai pantun,

syair dan puisi untuk didendangkan secara spontan mengikut tema, rentak serta lagu persembahan.

"Dikir barat bukan sahaja membina keyakinan peserta untuk berdepan penonton, tetapi hiburan cukup berinformasi dan membentuk hubungan rapat antara ahli pasukan.

"Saya juga melihat dikir barat sebagai satu seni yang sangat unik sehingga semakin dikenali di negara luar, justeru kebudayaan ini harus diperlakukan supaya tidak pupus ditelan zaman," katanya.